

**KERTAS CADANGAN**

**SOP KUARANTIN WAJIB  
14 HARI BAGI PEKERJA  
SEKTOR MINYAK  
DAN GAS DI LUAR  
PERSISIRAN  
PANTAI**

**SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP)**



**KERTAS CADANGAN**  
**SOP KUARANTIN WAJIB 14 HARI BAGI PEKERJA SEKTOR MINYAK DAN GAS DI LUAR**  
**PERSISIRAN PANTAI SEPANJANG TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

## **PENDAHULUAN**

Kertas cadangan ini untuk diserahkan kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mempertimbangan keluhan serta permohonan para pekerja luar persisiran pantai terhadap SOP Kuarantin wajib 14 hari yang digunapakai sekarang.

Kertas cadangan ini bertujuan untuk membawa kepada pengetahuan pihak MKN tentang masalah-masalah yang melingkari perkara ini dan mencadangkan penilaian semula SOP kuarantin wajib bagi pekerja luar persisiran pantai. Seterusnya kami membawa beberapa cadangan penambahbaikan.

## **LATAR BELAKANG**

Sektor hulu industri Minyak dan Gas Negara melibatkan lebih daripada 40,000 pekerja luar persisiran pantai. Rota tugas "core crew" sebelum pandemik COVID-19 adalah bekerja setiap 2 minggu dan bercuti 2 minggu selepas bekerja.

Berikutan pandemik COVID-19 sejak Mac 2020, rota tugas masih dikekalkan selama 2 minggu dengan tambahan prosedur "sign on" seperti berikut, mengikut Pusat Kesihatan Daerah dan inisiatif pihak pengurusan pelantar. Antara contoh prosedur adalah seperti berikut:

- a) 72 jam sebelum "sign on", pekerja dikenakan ujian RT-PCR dan RTK pada hari "check in" ke pelantar minyak.
- b) Selepas "sign off" pekerja dikenakan ujian RT-PCR dan dibenarkan pulang selepas mendapat keputusan yang negatif.
- c) Mengikut negeri, ada prosedur tambahan 10 hari kuarantin dirumah sebelum "check in" ke pelantar minyak. Pekerja seterusnya dikenakan ujian RT-PCR pada hari pertama, ujian RT-PCR pada hari ke-8 dan dikenakan ujian RTK pada hari ke-10.

Hasil dari penguatkuasaan prosedur sebelum ini, pihak pengurusan pelantar dapat mengekang individu yang telah dijangkiti untuk bertugas diluar pantai. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes terpencil di pelantar minyak. Kes-kes jangkitan ini ditangani mengikut prosedur ketat yang digariskan oleh pihak pengurusan pelantar.

Penguatkuasaan Annex 9 pada 15hb Jun 2021 oleh MKN telah menyebabkan pihak pengurusan pelantar terpaksa menukar rota kepada 4 minggu tugas, 2 minggu kuarantin dan hanya 2 minggu cuti.

**KERTAS CADANGAN**  
**SOP KUARANTIN WAJIB 14 HARI BAGI PEKERJA SEKTOR MINYAK DAN GAS DI LUAR**  
**PERSISIRAN PANTAI SEPANJANG TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

Penguatkuasaan ini telah menjejaskan operasi pelantar minyak luar persisiran pantai berikutan pertukaran rota asal tidak dapat dilaksanakan. Petugas sedia ada perlu terus bekerja menjaga operasi di pelantar minyak sehingga mendapat petugas baru.

Senario yang sama juga dihadapi oleh warganegara Malaysia yang bertugas di pelantar minyak dan gas luar negara. Mereka tertakluk kepada SOP yang ketat dan terkawal semasa tugas dan secara purata bertugas dari 8 ke 10 minggu di pelantar. Selesai bertugas, mereka hanya dapat pulang bercuti selama 4 minggu untuk bertemu keluarga di Malaysia. Kepulangan mereka bagaimanapun disyaratkan dengan menjalani kuarantin 14 hari. Ini menjejaskan masa bersama keluarga dan menjejaskan emosi dan kesihatan mental petugas dan keluarga mereka.

**PENYATAAN MASALAH DAN IMPAK NEGATIF**

- 1) Mendedahkan pekerja kepada gangguan psikologi, keletihan melampau dan kehilangan fokus terutama pada minggu ke 5 dan 6 mereka di pelantar minyak dan di tempat kerja. Hal ini boleh mengundang kepada kecelakaan dan kemalangan di tempat kerja.
- 2) Memberi bebanan mental dan fizikal kepada keluarga yang ditinggalkan selama 6 minggu untuk setiap kali putaran kerja.
- 3) Kesukaran untuk membawa pekerja pakar ke pelantar dalam masa segera jika berlaku sesuatu kerosakan dan ini menyebabkan risiko kerugian akibat penangguhan pengeluaran minyak dan gas dalam jangka masa yang panjang.
- 4) Aktiviti penyelenggaraan menjadi terhad untuk dilakukan dan kos juga akan meningkat. Ini memberi kesan buruk kepada integriti fasiliti pengeluaran minyak dan gas di pelantar-pelantar di dalam negara.
- 5) Menguncupkan kegiatan ekonomi sektor sokongan minyak dan gas di persisiran pantai.
- 6) Kesukaran para pekerja untuk memenuhi temujanji vaksin COVID-19 kerana mereka hanya mempunyai masa dua minggu sahaja dalam masa dua bulan.

## KERTAS CADANGAN

### SOP KUARANTIN WAJIB 14 HARI BAGI PEKERJA SEKTOR MINYAK DAN GAS DI LUAR PERSISIRAN PANTAI SEPANJANG TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

---

#### CADANGAN PENYELESAIAN

Sehubungan dengan pernyataan masalah dan impak negatif yang dinyatakan di atas, berikut adalah cadang perubahan terhadap SOP kuarantin wajib 14 hari bagi pekerja sektor minyak dan gas di luar persisiran pantai (Dalam dan Luar Negara):

- 1) Kuarantin di pusat kuarantin hanya selama 3 hari dengan 1 ujian PCR sebelum bergerak ke pelantar luar persisiran pantai dengan keputusan PCR yang negatif.
- 2) Putaran kerja 3 minggu kerja dan 3 minggu cuti termasuk kuarantin.
- 3) Majlis Kesejahteraan Negara (MKN) perlu mewajibkan dan mempercepatkan pekerja daripada syarikat-syarikat operator dan kontraktor minyak dan gas luar pesisiran pantai untuk menyertai Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) untuk mencapai imuniti kelompok di pelantar minyak dan gas dalam masa segera.
- 4) Memastikan hanya mereka yang mempunyai risiko rendah COVID-19 di dalam aplikasi MySejahtera sahaja dibenarkan ke pelantar. Larangan ini juga terpakai bagi pekerja yang mempunyai "Influenza Like Illness (ILI)".
- 5) Memastikan perjarakan sosial dan SOP langkah pencegahan COVID-19 dilaksanakan sebaik mungkin di pelantar.
- 6) Syarikat pengeluar minyak dan gas memastikan semua kontraktor dan sub-kontraktor mereka seperti kontraktor pengangkutan yang membawa pekerja ke pelantar minyak juga perlu mengikuti langkah-langkah pencegahan dan SOP seperti yang dicadangkan di atas.
- 7) Mengurangkan tempoh kuarantin warganegara Malaysia yang bekerja di luar persisiran pantai luar negara kepada antara 3 ke 5 hari. Mereka hanya bebas daripada kuarantin dengan syarat menjalani ujian RT-PCR pada hari pertama, hari ke-4 dan mempunyai keputusan negatif. Mereka juga disyaratkan untuk:
  - i. bekerja dalam pengasingan (isolation) di luar negara
  - ii. menjalani ujian RT-PCR sebelum menaiki pesawat pulang (dalam tempoh 72 jam terakhir)
  - iii. penjarakan sosial di dalam pesawat pulang

**KERTAS CADANGAN**  
**SOP KUARANTIN WAJIB 14 HARI BAGI PEKERJA SEKTOR MINYAK DAN GAS DI LUAR**  
**PERSISIRAN PANTAI SEPANJANG TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

**PENUTUP**

Pihak kami amat berharap agar MKN dapat meneliti kertas cadangan kami ini dan mempertimbangkan segala rasional yang telah dinyatakan agar agenda membela kesejahteraan rakyat dan negara dapat sama-sama kita laksanakan.

Segala jasa baik pihak MKN dalam mempertimbangkan cadangan-cadangan kami ini, kami dahulukan dengan ucapan jutaan Terima Kasih.

Sekian

**YB SENATOR Ir. Ts. Haji KHAIRIL NIZAM KHIRUDIN**

Ahli Dewan Negara

Merangkap

1. Ketua Pemuda, Dewan Pemuda PAS Malaysia
2. Ketua Pemuda, Pemuda Perikatan Nasional